

SULIT

www.lamanbahasa.wordpress.com



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

1103/2 (PP)

Bahasa Melayu

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

1103/2 (PP) © Hak Cipta MPSM dan MGC Negeri Perlis

*[Lihat halaman sebelah
SULIT*

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan faedah/kelebihan/manfaat kelas campur kepada murid-murid di negara ini/di Malaysia.	2
Rumusan membincangkan kepentingan/faedah/kelebihan/manfaat kelas campur kepada murid-murid dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru.	2
Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]	
1. mampu meningkatkan motivasi pembelajaran dalam kalangan murid	2
2. meningkatkan imej dan harga diri murid yang lemah	2
3. memberi ruang kepada pembentukan persaingan yang positif dalam kalangan murid yang kurang menyerlah untuk bertapak ke hadapan mengejar murid cemerlang	2
4. dapat dipecahkan kumpulannya berbanding mengelompokkan mereka dalam kelas yang lemah	2
5. semangat kumpulan mereka turut dapat dipecahkan	2
6. dapat merangsang kesedaran mereka terhadap kepentingan ilmu	2
7. lebih adil dalam membentuk iklim bilik darjah yang positif	2
8. menyediakan ruang pergaulan yang baik antara murid cemerlang dan murid lemah di dalam bilik darjah	2
9. dapat membangunkan sikap yang positif terhadap ilmu	2
10. memberi perhatian yang lebih serius kepada kerja sekolah	2
Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]	
1. guru menanggung beban yang semakin banyak	2
2. guru terpaksa merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan murid	2
3. guru terpaksa melatih murid mengikut keupayaan dalam menggarap ilmu dan pengetahuan	2
4. guru kurang menguasai kemahiran pembelajaran abad ke-21	2
5. guru perlu menangani kepelbagaian masalah murid/disiplin	2
Kesimpulan [2 markah]	
K1 Kesimpulannya, semua pihak perlulah menyokong pelaksanaan kelas campur di sekolah supaya dapat melahirkan murid yang cemerlang.	2

[Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima]

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi baik • Struktur ayat/tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum**Markah****(i) Maksud jurang kepandaian**

- jarak/ perbezaan kebijaksanaan/kecerdikan 2
- perbezaan kepandaian 1
- jurang kebijaksanaan 1

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Ciri-ciri iklim bilik darjah yang kondusif:**

- P1- penstrukturan kelas
- P2- memberi perhatian kepada pembangunan potensi murid secara holistik dan bersepadu dalam mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni seperti yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- P3- penekanan terhadap kelas campur tanpa pengasingan murid berdasarkan jurang kepandaian yang dapat membawa perubahan bermakna dalam merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Faktor-faktor:**

- P1- kekurangan persediaan menghadapi peperiksaan
- P2- keadaan emosi ketika menduduki peperiksaan
- P3- kelemahan pengurusan diri
- P4- latar belakang sosioekonomi keluarga

[Maksimum: 4 markah]**[Isi cukup: 3 isi]****Hukum 1 :****3 isi tanpa huraian = 4 markah****Hukum 2 :****Isi dan huraian = 2 markah****Maksimum = 2 isi**

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen**(i) Harapan bonda:**

- P1- ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam dirinya 1
 P2- moga-moga Mel menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai 1
 P3- Mel berani mempertahankan kepentingan bangsanya yang sedikit demi sedikit
 terhakis di tanah sendiri 1

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Langkah-langkah yang perlu dilakukan:**

- P1- guru menggalakkan generasi muda menyertai program kenegaraan (PLKN)
 P2- guru membawa murid-murid melawat tempat bersejarah
 P3- guru menekankan nilai patriotisme melalui subjek Sejarah
 P4- pihak sekolah mengadakan sambutan bulan kemerdekaan
 P5- pihak sekolah mengadakan pertandingan bertemakan patriotik

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Persoalan dalam petikan:****P1- Kepentingan patriotisme dan jati diri**

Huraian: Bonda ingin menghidupkan semangat patriotisme dan jati diri Mel melalui ceritanya.

[1 + 1]

P2- Kepentingan membaca dan mengkaji sejarah

Huraian: Bonda menyatakan sejarah tidak buta kerana orang yang membaca dan mengkaji sejarah tidak akan melakukan kesilapan kali kedua.

[1 + 1]

Persoalan dalam keseluruhan cerpen:**K1- Kesan penjajahan kepada penduduk**

Huraian : Penjajah gagal mengagihkan kekayaan sama rata antara kaum.

[1+ 1]

K2- Cabaran kehidupan di kota

Huraian : Anak-anak muda kota hilang maruah dan jati diri kerana mereka tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan melanggar hukum agama.

[1 + 1]

P3- Keruntuhan akhlak generasi muda

Huraian : Semasa di kota Mel mendapati anak-anak muda dihanyutkan arus keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi.

[1 + 1]

[Maksimum: 4 markah]**[jawapan yang relevan diterima]**

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

- (i) **Maksud** *dibubuhnya suatu hikmat*
- meletakkan/membaca jampi/mantera

2

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Rancangan Kertala Sari**

- P1- hendak mencuri harta raja
P2- hendak membakar serta mengamuk
P3- bini raja yang muda akan ambil sebagai bininya

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Tindakan yang wajar**

- P1- melawat ke tempat yang ditimpa musibah
P2- memberikan kata-kata semangat/sokongan moral
P3- mengisytiharkan darurat jika perlu supaya segala bantuan boleh diberikan kepada semua mangsa
P4- menghulurkan bantuan kewangan
P5- mengerahkan pihak yang bertanggungjawab untuk menghulurkan bantuan segera

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]**

Soalan 2 (d) : Sajak**(i) Dua penderitaan**

- P1- anak yang dilahirkan telah melupakannya 1
P2- anak sulung menghantarnya ke rumah anak bongsu 1
P3- anak tengah menghantarnya ke rumah anak sulung kembali 1
P4- menderita kesakitan 1

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Anak-anak tidak wajar melupakan jasa ibu bapa**

- P1- ibu bapa yang memberikan kasih sayang sejak kecil
P2- ibu yang melahirkan anak-anak
P3- ibu bapa memelihara/menjaga anak sejak kecil
P4- ibu bapa yang mendidik/memberi pendidikan kepada anak-anak
P5- ibu bapa merupakan insan yang sewajarnya dihargai/tuntutan agama

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Dua nilai****P1- Nilai ketabahan (R1)**

Huraian : Penyajak tabah mengharungi kehidupan seorang diri dan kesunyian tanpa dipedulikan oleh anak-anak [1 + 1]

P2- Nilai kasih sayang (R3)

Huraian : Penyajak masih menyayangi anak-anak walaupun mereka mengabaikannya. [1 + 1]

P3- Nilai keinsafan (R3)

Huraian : Penyajak sedar dan insaf bahawa kehidupan ini hanya sementara dan hanya Tuhan yang kekal. [1 + 1]

P4- Nilai tanggungjawab (R3)

Huraian : Penyajak memperlihatkan sikap bertanggungjawab dengan sentiasa mendoakan anak-anaknya agar diberi keinsafan. [1 + 1]

[Maksimum 4 markah]

Soalan 3**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:Soalan 3(a) : **6** markahSoalan 3(b) : **6** markahSoalan 3(c) : **6** markahSoalan 3(d) : **6** markahSoalan 3(e) : **6** markah**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi ayat tersebut.

Jawapan 3(a)

- | | | | |
|-------|--------------|---|---|
| (i) | keterangan | - | penjelasan / apa-apa yang menerangkan / yang menjelaskan |
| (ii) | penerangan | - | hal atau perbuatan menerangkan sesuatu / menjelaskan |
| (iii) | penyatuan | - | proses / perbuatan menyatukan |
| (iv) | kesatuan | - | perkumpulan / pergabungan pekerja yang terlibat dalam jenis kerja yang sama |
| | | - | keadaan atau hal yang satu |
| (v) | penyeragaman | - | usaha / perbuatan menyeragamkan |
| (vi) | keseragaman | - | keadaan seragam |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(b) Tukar cakap aktif kepada cakap pasif

- (i) Pertandingan permainan tradisional telah dirancang oleh Persatuan Kebudayaan semasa sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah.
- (ii) Ibu akan saya bantu di gerai selepas sesi persekolahan.
- (iii) Calon-calon SPM diseru oleh pengetua agar tidak ponteng semasa kelas tambahan diadakan.

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3(c)****Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- (i) antara bangsa - antarabangsa
merancang - perancangan
- (ii) isyarat - isyarat
bermulakan - memulakan
- (iii) lapuran - laporan
dibentang - dibentangkan

[Maksimum : 6 markah]**3(d)****Kesalahan istilah/kata dan tatabahasa**

- (i) segera - kilat
beberapa rumah - beberapa buah rumah
- (ii) prihatin - perhatian
di dalam - dalam
- (iii) terdekat - serantau / nusantara / jiran
supaya - untuk / bagi

[Maksimum : 6 markah]**3(e) Peribahasa**

- (i) senipis kulit bawang
- (ii) sediakan payung sebelum hujan / mencegah lebih baik daripada mengubati/merawat
- (iii) seperti lembu/kerbau dicucuk hidung

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dikaji.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan isi perwatakan watak sampingan**.
(iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian/ccontoh yang lengkap/jelas bagi setiap perwatakan.
(v) Markah isi, maksimum 4 markah.
(vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah.
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah untuk pernyataan **peristiwa yang dapat dijadikan teladan** bagi setiap novel.
(iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap novel.
(v) Markah isi, maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap peristiwa yang dapat dijadikan teladan)
(vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa .
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4 (a) – Dua perwatakan watak sampingan

Novel Jendela Menghadap Jalan Haji Abdul Rahman	Novel Songket Berbenang Emas Embong
1. Seorang yang alim dan kuat beribadat. Datuk mengetahui ilmu agama Islam secara mendalam dan sentiasa berwirid serta berzikir setiap kali selesai solat.	1. Seorang yang penyayang. Embong amat merasai kehilangan isterinya, Saleha yang sedang dirawat di Hospital Permai, Johor Bahru akibat penyakit kemurungan dengan sentiasa berdoa semoga isterinya sihat.
2. Seorang yang bertanggungjawab. Datuk membantu sedaya upaya pesakit yang datang berubat dengannya menggunakan kaedah perubatan tradisional berasaskan akar-akar kayu dan daun-daun herba.	2. Seorang yang pemaaf/tidak berdendam. Embong tetap melayani ibu mentuanya, Nek Kiah dengan baik walaupun ibu mentuanya itu selalu berprasangka buruk terhadap dirinya sekeluarga.
3. Seorang yang berpengetahuan luas dalam bidang perubatan tradisional. Datuk mengetahui jenis-jenis akar kayu dan herba yang diperlukan bagi setiap penyakit yang dideritai pesakitnya.	3. Seorang yang taat akan perintah Tuhan. Embong sentiasa menjaga solat fardunya dengan mengerjakan solat tersebut secara berjemaah atau bersendirian di rumahnya.
4. Seorang yang penyayang. Datuk merasai kehilangan ibu Lili yang tidak lama menetap di Kampung Sentosa lantaran ibu Lili yang banyak menghabiskan masa mudanya belajar di luar negara dan bekerja di ibu kota.	4. Seorang yang mementingkan pendidikan anak-anak. Embong menegaskan kepentingan pendidikan kepada Dahlia untuk bekalan masa hadapan sekali gus dapat mengubah nasib keluarganya.

Soalan 4 (b) – Satu peristiwa yang dapat dijadikan teladan dan sebab-sebab

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
<p>Peristiwa Lili membantu Che Jah menangani isu keganasan rumah tangga.</p> <p>Contoh : Lili meminta bantuan daripada Puan Hamimah, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga yang dihadapi oleh Che Jah.</p> <p>Sebab : Peristiwa ini dijadikan teladan kepada pembaca supaya mengamalkan sikap saling membantu insan yang ditimpa musibah/masalah.</p>	<p>Peristiwa Dahlia keluar dari asrama.</p> <p>Contoh : Dahlia sanggup keluar dari asrama kerana ingin menjaga adik-adiknya setelah ibu dan ayahnya dimasukkan ke hospital.</p> <p>Sebab : Peristiwa ini dijadikan teladan menggambarkan sikap bertanggungjawab seorang anak sulung dalam keluarga yang sanggup berkorban untuk menjaga kebajikan keluarganya.</p>

<p>Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang diculik.</p> <p>Contoh : Danel telah berusaha menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq yang disembunyikan di sebuah pondok usang di hujung kampung.</p> <p>Sebab : Peristiwa ini dijadikan teladan kepada pembaca kerana menggambarkan semangat setiakawan dalam persahabatan.</p>	<p>Peristiwa penduduk Kampung Parit Haji Rais membina rumah Embong yang roboh.</p> <p>Contoh : Penduduk kampung bergotong-royong membina semula rumah Embong yang roboh ditenggelami banjir.</p> <p>Sebab : Peristiwa ini dijadikan teladan kerana menunjukkan sikap masyarakat yang bekerjasama dan bermuafakat dalam menyelesaikan sesuatu masalah.</p>
<p>Peristiwa Lili dan Danel menyelesaikan isu kubah.</p> <p>Contoh : Lili dan Danel telah mencapai kata sepakat mencadangkan kubah dipasang di masjid baharu yang bakal dibina dan bukannya di surau lama. Cadangan mereka diterima oleh orang kampung.</p> <p>Sebab : Peristiwa ini dijadikan teladan kerana menunjukkan kepentingan permuafakatan dan kerjasama dalam menyelesaikan sesuatu masalah.</p>	<p>Peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai menyelamatkan Said.</p> <p>Contoh : Dahlia sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk menyelamatkan Said yang lemas dibawa arus yang deras.</p> <p>Sebab : Peristiwa ini dijadikan teladan kerana menggambarkan sikap seorang remaja yang sanggup berkorban demi menyelamatkan orang lain.</p>

[terima jawapan lain yang relevan]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT